

Bank Islam untung RM683 juta

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
ekonomi@utusan.com.my

KUANTAN 26 Feb. - Bank Islam Malaysia Bhd. (Bank Islam) mencatatkan keuntungan sebelum zakat dan cukai (PBZT) berjumlah RM683 juta pada tahun lalu.

Jumlah tersebut merupakan peningkatan sebanyak 13.8 peratus berbanding RM600 juta yang dicapai pada tahun kewangan sebelumnya.

Pengarah Urusannya, Datuk Seri Zukri Samat berkata, pencapaian tahun lalu disumbangkan oleh pertumbuhan dari segi pembiayaan, kepelbagaian produk, peningkatan kualiti aset serta kesetiaan pelanggan bank tersebut.

"Tahun 2013 merupakan tahun yang cemerlang bagi Bank Islam, bukan sahaja keuntungan bertambah, pertumbuhan pembiayaan juga menunjukkan peningkatan 21.47 peratus iaitu RM23.74 bilion berbanding RM19.5 bilion pada tahun 2012.

"Jumlah deposit sepanjang tahun lalu juga meningkat iaitu berjumlah RM37.27 bilion berbanding RM32.58 bilion tahun sebelumnya, peningkatan lebih kurang 14.4 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Kad Visa Debit-i Universiti (UniDebit) Bank Islam untuk penuntut Universiti Malaysia Pahang

Cemerlang bagi Bank Islam, bukan sahaja keuntungan bertambah, pertumbuhan pembiayaan juga menunjukkan peningkatan 21.47 peratus iaitu RM23.74 bilion berbanding RM19.5 bilion pada tahun 2012

ZUKRI SAMAT

Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Bhd.

(UMP) di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang di sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim; Pengarah Pembangunan Perniagaan Bank Islam, Khairul Kamarudin dan Pengurus Visa Malaysia, Stuard Tomlinson.

Zukri berkata, jumlah perolehan Bank Islam juga melepasi sasaran ditetapkan iaitu RM2 bilion dengan perolehan sebanyak RM2.2 bilion pada tahun lalu.

Menurutnya, perolehan itu didorong oleh pelbagai faktor antaranya, penawaran produk yang kompetitif, peningkatan deposit melalui akaun semasa dan simpanan serta peningkatan pendapatan berasaskan bukan dana.

Tambahnya, peningkatan perolehan itu turut didorong oleh pengenalan Program Hijrah untuk Kecemerlangan bermula tahun lalu sehingga 2015 yang bertujuan meningkatkan

produktiviti bank berkenaan.

Beliau berkata, portfolio pembiayaan bank berkenaan pada tahun lalu juga meningkat sebanyak 21.7 peratus atau RM4.2 bilion kepada RM23.7 bilion.

"Perkembangan itu didorong oleh permintaan kukuh daripada sektor isi rumah yang berkembang sebanyak 24 peratus, manakala pembiayaan komersial juga menunjukkan pertumbuhan pesat di atas 30 peratus.

"Peningkatan jumlah deposit Bank Islam didorong pengenalan produk yang menarik dan kompetitif di pasaran, antaranya akaun simpanan Al-Awfar," katanya.

Katanya, deposit pelanggan Bank Islam sehingga Disember tahun lalu berjumlah RM14.6 bilion berbanding RM13.4 bilion tahun sebelumnya di mana akaun semasa dan simpanan (GASA) berada paras 39.1 peratus.



ZUKRI Samat (dua kiri) menyerahkan replika UniDebit kepada Daing Nasir Ibrahim (dua kanan) sebagai simbolik melancarkan kad visa debit itu untuk penuntut UMP di Kuantan, semalam.

Bank Islam perluas kad UniDebit

KUANTAN 26 Feb. - Bank Islam Malaysia Bhd. (Bank Islam) akan memperluaskan penggunaan Kad Visa Debit-i Universiti (UniDebit) ke semua universiti di negara ini termasuk di Sabah dan Sarawak secara berperingkat.

Pengarah Urusannya, Datuk Seri Zukri Samat berkata, selepas Universiti Malaysia Pahang (UMP), pihaknya akan melancarkan penggunaan kad UniDebit tersebut di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS) pada Mac atau April ini.

Beliau berkata, kad debit tersebut direka khas sebagai sebahagian daripada usaha bank untuk melanjutkan kemudahan transaksi tanpa tunai kepada penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara.

"Kad UniDebit ini menawarkan fungsi tambahan berbanding kad debit biasa kerana menyediakan akses mudah kepada penuntut IPT berurusan di perpustakaan universiti masing-masing dan turut berfungsi sebagai kad pengenalan mereka.

"Dengan adanya kad UniDebit ini, setiap penuntut boleh melakukan urusan niaga dalam talian untuk membeli buku rujukan, peralatan belajar dan lain-lain keperluan," katanya. Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis pelancaran kad UniDebit di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang di sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim; Pengarah Pembangunan

Perniagaan Bank Islam, Khairul Kamarudin dan Pengurus Visa Malaysia, Stuard Tomlinson.

Sementara itu, Daing Nasir berkata, selain kemudahan yang sedia ada ditawarkan Bank Islam dalam kad UniDebit itu, UMP juga bercadang memperkenalkan beberapa lagi keistimewaan yang boleh dinikmati pemegang kad berkenaan.

"Kita akan pelbagaikan lagi kemudahan dan keselesaan penuntut di sini yang akan dilakukan secara berperingkat.

"UMP juga menggalakkan penuntut tahun akhir turut memohon kad ini sebagai simbol hubungan antara mereka dan UMP akan berkecualan selepas menamatkan pengajian kelak," katanya.